Sarj Kumar lwn Ketua Pengarah Pendaftaran Negara dan satu lagi

A

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN BAGI SEMAKAN KEHAKIMAN NO WA-25–82–03 TAHUN 2018
MARIANA YAHYA H
18 JUN 2020

B

Prosedur Sivil — Semakan kehakiman — Pemohon memohon semakan kehakiman terhadap keputusan responden menolak permohonan pemohon untuk mengeluarkan nama asal pemohon dalam kad pengenalan — Permohonan kebenaran semakan kehakiman untuk relif-relif mengeluarkan nama asal pemohon dalam cip kad pengenalannya dan memasukkan nama betul — Nama asal pemohon tertera pada sijil kelahiran — Sama ada kad pengenalan berkomputer cip, MyKad, perlu mengandungi nama asal pemohon — Sama ada keputusan responden tidak sah, tidak rasional, tidak munasabah dan tidak adil — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 53 — Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 peraturan 14

C

D

E

Ini merupakan permohonan di bawah A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk kebenaran bagi semakan kehakiman. Pemohon adalah warganegara Malaysia. Pada 13 Mei 1966 pemohon telah didaftarkan kelahirannya melalui sijil lahir No SB A207445 dengan nama asal Sarjahan bin Abdullah. Pemohon mendakwa bahawa beliau adalah seorang penganut Hindu berbangsa India dan telah berkahwin dan mempunyai seorang anak. Pemohon pernah memfailkan satu saman pemula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No R2–24–39 Tahun 1997 terhadap Ketua Pengarah Pendaftaran Negara untuk menukar butir-butir nama pemohon. Lanjutan daripada tindakan undang-undang tersebut, Jabatan Pendaftaran Negara ('JPN') telah bersetuju untuk mengambil tindakan di bawah peruntukan peraturan 14, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 ('Peraturan tersebut'). Pemohon telah dimaklumkan bahawa nama asalnya telah ditukar kepada Sarj Kumar dan direkodkan melalui laporan pertukaran nama bertarikh 28 Ogos 1997 dari Bahagian Penyelarasan, Pindaan Butiran, Perancangan dan Latihan, Ibu Pejabat, Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia. Pemohon telah membuat permohonan untuk cabutan butir-butir dari daftar kad pengenalan kepada JPN pada 4 Disember 1998 untuk memastikan bahawa pindaan telah dibuat. Melalui surat bertarikh 9 Januari 1999, pemohon telah mendapat pengesahan mengenai pindaan yang dibuat dan cetakan komputer juga mengandungi maklumat yang betul. Apabila sistem pendaftaran negara menggunakan cip kad pengenalan diperkenalkan, pemohon mendapati terdapat percanggahan dalam maklumat yang sebenar. Perkara tersebut disedari oleh pemohon apabila melakukan transaksi yang memerlukan

F

G

H

I

imbasan cip pada kad pengenalannya seperti transaksi bank. Isu yang ditentukan oleh mahkamah sama ada keputusan responden pertama yang enggan mengeluarkan nama asal pemohon daripada kad pengenalan berkomputer cip pemohon bertentangan dengan peruntukan peraturan 14 yang terjumlah kepada suatu keputusan yang tidak sah, tidak rasional, tidak munasabah dan tidak adil kepada pemohon. Responden berhujah bahawa keputusan untuk tidak meluluskan permohonan pemohon untuk mengeluarkan nama asal pemohon daripada kad pengenalan berkomputer cip atau dikenali sebagai MyKad adalah tidak silap dan ianya menurut peraturan 5(1) dan (2) yang dibaca bersama dengan Jadual 1A dan peraturan 4, Peraturan tersebut.

Diputuskan, menolak permohonan semakan kehakiman:

(1) Tindakan untuk memasukkan nama asal pemohon 'Sarjahan bin Abdullah' ke dalam cip MyKad dan nama terkini pemohon 'Sarj Kumar' dipaparkan pada MyKad pemohon adalah berdasarkan kepada peraturan 5(2) yang dibaca bersama Jadual 1A. Perkataan 'shall' yang digunakan dalam peraturan 5(2) dan Jadual 1A jelas menunjukkan bahawa responden-responden tidak mempunyai budi bicara untuk mengeluarkan nama asal pemohon yang terdapat di dalam cip MyKad pemohon. Responden-responden adalah wajib untuk mematuhi segala keperluan yang telah ditetapkan di bawah peruntukan-peruntukan tersebut. Memandangkan nama asal pemohon sepertimana yang tertera pada sijil kelahiran pemohon adalah Sarjahan bin Abdullah, maklumat tersebut perlu dimasukkan ke dalam cip MyKad pemohon. Perkataan 'shall' dan 'In the Chip: Original Name, Full Name' adalah jelas bahawa responden pertama mesti memasukkan nama asal ke dalam cip kad pengenalan melainkan dinyatakan sebaliknya. Mahkamah berpendapat bahawa peraturan 4, 5 dan Jadual 1A Peraturan tersebut haruslah dibaca bersama-sama dan tidak secara berasingan bagi maksud mengawal selia pengeluaran MyKad kepada pihak yang memohon dan memberi kesan kepada penggunaan MyKad yang dikeluarkan. Adalah menjadi suatu keperluan mandatori di bawah peraturan 14(2A) untuk memasukkan nama asal pemohon ke dalam cip MyKad pemohon dan pemohon adalah dilarang daripada menggunakan nama asal yang telah dimasukkan ke dalam cip tersebut (lihat perenggan 30–31, 33 & 37).

(2) Mahkamah berpendapat tiada kegagalan di pihak responden-responden untuk mengambil kira perkara-perkara yang relevan. Tiada kekeliruan yang akan terjadi sebagaimana yang didakwa pemohon. Pernyataan bahawa kebanyakan institusi-institusi kewangan berasa was-was dengan perbezaan identiti dalam kad pengenalan dan cabutan daftar kad pengenalan pemohon atas dasar peningkatan kes frod dan pemalsuan dokumen adalah suatu anggapan pemohon semata-mata dan tidak disokong dengan sebarang keterangan. Mahkamah berpendapat

responden pertama telah membuat keputusannya berdasarkan undang-undang dan keputusan tersebut adalah sah, munasabah dan rasional. Pemohon telah gagal membuktikan ketidakmunasabahan responden-responden di dalam keputusannya (lihat perenggan 39 & 41–42).

[English summary

This was an application of the applicant under O 53 of the Rules of Court 2012 for leave for judicial review. The applicant was a Malaysian citizen. On 13 May 1966 the applicant registered his birth through birth certificate No SB A207445 with his original name Sarjahan bin Abdullah. The applicant claimed that he was an Indian Hindu and was married with a child. The applicant had filed a suit at the High Court of Kuala Lumpur No R2–24–39 of 1997 against the Director General of National Registration to change the details of the applicant's name. Pursuant to the legal suit, the National Registration Department ('NRD') had agreed to take action under the provisions of reg 14 of the National Registration Regulations 1990 ('the Regulations'). The applicant had been informed that his original name had been changed to Sarj Kumar and recorded through a name change report dated 28 August 1997 from the Coordination, Details Amendment, Planning and Training Division, Headquarters, National Registration Department of Malaysia. The applicant made an application for extraction of details of register identity card to the NRD on 4 December 1998 to check that amendments were made. Through a letter dated 9 January 1999, the applicant obtained confirmation of the amendments made and the computer printout also contained the correct information. When the national registration system using identity card chips was introduced, the applicant found there was a discrepancy in the actual information. The matter was made known by the applicant when performing a transaction that required a chip scan on his identity card such as a bank transaction. The issue to be determined by the court was whether the decision of the first respondent who refused to remove the applicant's original name from the applicant's identity card was contrary to the provisions of reg 14 which amounted to an invalid, irrational, unreasonable and unfair decision to the applicant. The respondent contended that the decision not to approve the applicant's application to remove the applicant's original name from the chip-based identity card or known as MyKad was not incorrect and it was in accordance with reg 5(1) and (2) read together with Schedule 1A and reg 4 of the Regulations.

Held, dismissing the judicial review application:

(1) The action to insert the original name of the applicant 'Sarjahan bin Abdullah' into the MyKad chip and the latest name of the applicant 'Sarj Kumar' displayed on the applicant's MyKad was in accordance with reg 5(2) read together with Schedule 1A. The wording 'shall' used in reg

5(2) and Schedule 1A clearly showed that the respondents did not have the discretion to remove the original name of the applicant found in the applicant's MyKad chip. The respondents were obliged to comply with all the requirements that have been set under the provisions. As the applicant's original name was stated on the applicant's birth certificate was Sarjahan bin Abdullah, the information must be included in the applicant's MyKad chip. The words 'shall' and 'In the Chip: Original Name, Full Name' were clear that the first respondent must include the original name into the identity card chip unless otherwise stated. The court was of the opinion that regs 4, 5 and Schedule 1A of the Regulations should be read together and not separately for the purpose of regulating the issuance of MyKad to the applicant and the use of MyKad issued to be in effect. It was a mandatory requirement under reg 14(2A) to include the applicant's original name in the MyKad chip of the applicant and the applicant was prohibited from using the original name that had been included in the chip (see paras 30–31, 33 & 37).

(2) The court was of the opinion that there was no failure on the part of the respondents to take into account the relevant matters. No confusion will take place as alleged by the applicant. The statement that most financial institutions were wary of identity differences in the identity card and the extract of the applicant's register identity card on the basis of the increment of fraud cases and forgery of documents was a mere presumption of the applicant and was not supported by any evidence. The court held that the first respondent had made his decision based on the law and that the decision was valid, reasonable and rational. The applicant had failed to prove the irrationality of the respondents in their decision (see paras 39 & 41–42).]

Kes-kes yang dirujuk

Associated Provincial Picture Houses Ltd v Wednesbury Corpn [1948] 1 KB 223, MR (dirujuk)

Council of Civil Service Unions v Minister for the Civil Service [1985] AC 374, HL (dirujuk)

Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin v Dato' Seri Dr Zambry bin Abdul Kadir (Attorney General, Intervener) [2010] 2 MLJ 285, MP (dirujuk)

Lock Wee Kock v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor [1993] 3 MLJ 691, MA (dirujuk)

Multimedia Development Corp Sdn Bhd v Clarence Augustine Tee Teck Huo [2018] 3 MLJ 447, MR (dirujuk)

Pihak Berkuasa Negeri Sabah v Sugumar Balakrishnan [2002] 3 MLJ 72, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 53
Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 peraturan 5, 4, 13A, 14, 14(2A), Jadual Pertama, Jadual 1A

M Manoharan (M Manoharan & Co) bagi pihak pemohon.
Kogilambigai a/p Muthusamy (Peguam Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden-responden.

Mariana Yahya H:

PENGENALAN

[1] Ini merupakan permohonan pemohon di bawah A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk kebenaran bagi semakan kehakiman bagi relif-relif berikut:

(a) suatu deklarasi bahawa butir-butir nama SARJAHAN BIN ABDULLAH yang terkandung dalam cip kad pengenalan milik SARJ KUMAR (No KPT 660513-18-5673) adalah tidak betul;

(b) suatu perintah certiorari untuk membatalkan keputusan responden pertama yang menolak rayuan pemohon untuk mengeluarkan nama asal SARJAHAN BIN ABDULLAH dalam cip kad pengenalan pemohon sepertimana yang dinyatakan dalam Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia bertarikh 8 Januari 2018 (keputusan tersebut);

(c) suatu perintah mandamus untuk mengarahkan responden-responden membetulkan butir-butir yang tidak betul dengan membuat pindaan pada cip kad pengenalan dengan mengeluarkan nama asal SARJAHAN BIN ABDULLAH dan memasukkan nama yang betul SARJ KUMAR;

(d) ganti rugi am untuk ditaksirkan;

(e) bahawa kos dan/atau kos bersampingan dengan permohonan ini dijadikan kos dalam kausa; dan

(f) lain-lain perintah dan/atau arahan selanjutnya yang mahkamah ini fikirkan patut dan wajar.

[2] Kes ini pada mulanya telah didengar di Mahkamah Bahagian Kuasa-Kuasa Khas 1, Kuala Lumpur dan pada 24 Mei 2018, YA Hakim telah menolak permohonan kebenaran pemohon (lampiran 1) tanpa perintah terhadap kos. Pemohon kemudiannya telah memfailkan notis rayuan pada 12 Jun 2018 terhadap keputusan mahkamah berkenaan lampiran 1 tersebut.

[3] Pada 23 Oktober 2018, Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan pemohon dan perintah kebenaran telah diberikan. Mahkamah Rayuan juga

turut mengarahkan agar tindakan ini dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk didengar di hadapan hakim yang berbeza.

[4] Sehubungan dengan itu, tindakan ini telah dipindah dengar di hadapan YA Hakim yang lain. Semasa pendengaran permohonan substantif (lampiran 14), pihak responden-responden telah mengemukakan bantahan awal dan berikutnya pada 17 Mei 2019, YA Hakim telah menolak permohonan substantif pemohon (lampiran 14) dengan kos sebanyak RM3,000.

[5] Tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah tersebut, pemohon telah memfailkan satu notis rayuan terhadap keputusan mahkamah bertarikh 17 Mei 2019 pada 28 Mei 2019. Selanjutnya, pada 11 November 2019, Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan pemohon dan mengarahkan tindakan ini untuk diremit ke Mahkamah Tinggi untuk didengar atas dasar merit di hadapan hakim yang lain. Justeru itu, kes ini telah dipindahkan ke mahkamah ini untuk didengar semula. Dalam perbicaraan kali ini, pihak pemohon mengguna pakai hujahan bertulis yang sama yang telah difailkan sebelum ini, manakala pihak responden-responden telah memfailkan hujahan bertulis yang baru namun akan mengguna pakai ikatan otoriti yang difailkan sebelum ini.

FAKTA RINGKAS

[6] Pemohon adalah warganegara Malaysia. Pada 13 Mei 1966, pemohon telah didaftarkan kelahirannya melalui sijil lahir No SB A207445 dengan nama asal SARJAHAN BIN ABDULLAH.

[7] Pemohon mendakwa bahawa beliau adalah seorang penganut Hindu berbangsa India dan telah berkahwin dan mempunyai seorang anak. Pemohon pernah memfailkan satu saman pemula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No R2–24–39 Tahun 1997 terhadap Ketua Pengarah Pendaftaran Negara untuk menukar butir-butir nama pemohon. Lanjutan daripada tindakan undang-undang tersebut, melalui suratnya bertarikh 26 Ogos 1997, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah bersetuju untuk mengambil tindakan di bawah peruntukan peraturan 14, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

[8] Pemohon kemudiannya telah dimaklumkan bahawa nama asalnya SARJAHAN BIN ABDULLAH telah ditukar kepada SARJ KUMAR dan direkodkan melalui laporan pertukaran nama bertarikh 28 Ogos 1997 dari Bahagian Penyelarasan, Pindaan Butiran, Perancangan dan Latihan, Ibu Pejabat, Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia. Sehubungan dengan itu pemohon telah membuat permohonan untuk cabutan butir-butir dari daftar

kad pengenalan kepada JPN pada 4 Disember 1998 untuk memastikan bahawa pindaan telah dibuat. Melalui surat bertarikh 9 Januari 1999, pemohon telah mendapat pengesahan mengenai pindaan yang dibuat dan betul. Cetakan komputer juga mengandungi maklumat yang betul.

[9] Selanjutnya, pemohon telah mendapatkan surat pengesahan daripada Persatuan Malaysia Hindu Sangam bertarikh 12 Mei 1999 yang menyatakan bahawa pemohon adalah seorang penganut agama Hindu dan mengamalkan adat budaya Hindu. Seterusnya, pada 13 July 1998, pemohon telah berkahwin di Kuil Sri Mahamariamman, Jalan Rasah dan mendaftarkan perkahwinannya dengan No 547357. Hasil daripada perkahwinan tersebut, pemohon beroleh seorang anak lelaki pada 27 Jun 2001 yang dinamakan Dineshwar dan didaftarkan dengan sijil kelahiran No AW54585.

[10] Apabila sistem pendaftaran negara menggunakan cip kad pengenalan diperkenalkan, pemohon mendapati terdapat percanggahan dalam maklumat yang sebenar. Perkara ini disedari oleh pemohon apabila melakukan transaksi yang memerlukan imbasan cip pada kad pengenalannya seperti transaksi bank. Akibatnya pemohon terpaksa memberitahu kronologi perubahan maklumat tentang dirinya dengan mengemukakan cabutan daftar kad pengenalan berulangkali untuk membuktikan SARJ KUMAR dan SARJAHAN BIN ABDULLAH adalah orang yang sama.

[11] Dengan peningkatan isu frod dan pemalsuan dokumen, pemohon mendakwa dan percaya bahawa terdapat transaksi perbankan yang melibatkan pemohon tidak dapat diteruskan kerana isu identiti yang diragui. Susulan daripada itu, pemohon telah mengarahkan peguamnya untuk memohon kepada JPN supaya nama SARJAHAN BIN ABDULLAH dipadamkan daripada cip kad pengenalan dan mengekalkan nama SARJ KUMAR sahaja, tetapi permohonan dan rayuan pemohon telah ditolak oleh JPN. Cabutan daftar kad pengenalan bertarikh 8 Oktober 2015 menunjukkan maklumat seperti berikut:

Nama:	SARJ KUMAR
Nama Ringkas:	SARJ KUMAR
Nama Asal:	SARJAHAN BIN ABDULLAH
Bangsa:	INDIA
Jantina:	LELAKI
Lain-Lain Hal:	PEMEGANG NO MYKAD 660513085673 SARJ KUMAR DAN SARJAHAN BIN ABDULLAH ADALAH MERUJUK KEPADA ORANG YANG SAMA.

[12] Pemohon mendakwa bahawa maklumat di atas tidak sama dengan

maklumat yang terdapat dalam surat oleh Bahagian Kad Pengenalan, Ibu Pejabat JPN bertarikh 9 Januari 1999 yang tidak mengandungi maklumat nama asal. Oleh yang demikian, pemohon memfailkan semakan kehakiman ini.

HUJAHAN PEMOHON

[13] Adalah hujahan pemohon bahawa responden pertama telah gagal mematuhi kehendak peraturan 14(2A) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 dan keputusan responden pertama yang enggan mengeluarkan nama asal pemohon daripada data cip kad pengenalan pemohon adalah suatu pelanggaran undang-undang, ianya tidak sah, tidak munasabah dan tidak adil kepada pemohon.

HUJAHAN RESPONDEN-RESPONDEN

[14] Responden berhujah bahawa keputusan untuk tidak meluluskan permohonan pemohon untuk mengeluarkan nama asal pemohon daripada kad pengenalan berkomputer cip atau dikenali sebagai MyKad adalah tidak silap dan ianya menurut peraturan 5(1) dan (2) yang dibaca bersama dengan Jadual 1A dan peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[15] Isu utama di dalam kes ini ialah sama ada keputusan responden pertama yang enggan mengeluarkan nama asal pemohon daripada kad pengenalan berkomputer cip pemohon bertentangan dengan peruntukan peraturan 14 Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang terjumlah kepada suatu keputusan yang tidak sah, tidak rasional, tidak munasabah dan tidak adil kepada pemohon.

KEPUTUSAN RESPONDEN PERTAMA YANG DIPERSOALKAN

[16] Keputusan responden pertama yang dipersoalkan di dalam permohonan semakan kehakiman pemohon ini adalah terhadap surat responden pertama bertarikh 8 Januari 2018 yang dialamatkan kepada peguam pemohon (eksh 'S2', afidavit sokongan pemohon) yang menyatakan seperti berikut:

Tetuan Manoharan & Co Suite C-5-5, 5th Floor Tower C Wisma Goshan Plaza Pantai Off Jalan Pantai Baru 59200 Kuala Lumpur	Rujukan kami: JPN.KP(UPDKP) 163/673/3/4 (2262/2017) Tarikh: 08 Januari 2018

Tuan,

RAYUAN UNTUK MENGELUARKAN NAMA ASAL DALAM CIP KAD PENGENALAN

NAMA:	SARJ KUMAR
NAMA ASAL:	SARJAHAN BIN ABDULLAH
NO. KAD PENGENALAN:	660513-08-5637/A0418273

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada permohonan tuan Bil: MM/CV2129/t dan MM/CV2129/Z bertarikh 19.09.2017 dan 29.12.2017 mengenai perkara di atas.

2. Berdasarkan semakan rekod jabatan, pindaan nama Sarjahan bin Abdullah telah diluluskan kepada Sarj Kumar pada 28 Ogos 1997 dan surat kami JPN.K.P(K):163/668/1 Klt.5(14) bertarikh 29.03.2015 adalah berkaitan.

3. Jabatan ini tidak dapat mempertimbangkan permohonan rayuan untuk mengeluarkan maklumat nama asal dalam cip kad pengenalan kerana nama Sarjahan bin Abdullah adalah nama asal yang didaftarkan di dalam kad pengenalan berdasarkan daftar lahir penama.

4. Sehubungan itu, pihak tuan juga boleh memaklumkan kepada anak guam tuan agar hadir ke Bahagian Kad Pengenalan, Jabatan Pendaftaran Negara, Putrajaya bagi membuat semakan semula berkaitan maklumat cip di dalam kad pengenalan.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah.

T.T

(RUSLAN BIN ALIAS)

b.p Ketua Pengarah Pendaftaran Negara,

Malaysia.

[17] Berdasarkan kepada perenggan 2 dan 3 surat responden pertama tersebut, pemohon telah bergantung kepada peraturan 14(2A) yang dikatakan memberi hak kepada pemohon untuk meminta responden pertama mengeluarkan nama asal beliau iaitu Sarjahan bin Abdullah daripada cip kad pengenalan. Peraturan 14(2A) menyatakan seperti berikut:

(2A) Any person registered under these Regulations who applies for a change of name under sub-regulation (1) shall not, when a replacement identity card is issued to him under this regulation, use his former name that appears on the reverse of the replacement identity card or as inserted in the chip of the Government multi-purpose card, as the case may be.

Pemohon berhujah bahawa responden pertama telahpun meluluskan

permohonan pindaan nama pemohon di bawah peraturan 14 iaitu nama asal Sarjahan bin Abdullah dipinda kepada nama baharu iaitu Sarj Kumar melalui surat responden pertama bertarikh 26 Ogos 1997. Dengan peruntukan peraturan 14(2A) tersebut, maka tiada sebab untuk responden pertama untuk tidak mematuhinya.

[18] Pemohon mendakwa bahawa beliau mengalami kesukaran apabila membuat urusan yang menggunakan bacaan cip kad pengenalan kerana wujudnya kekeliruan identiti pemohon di dalam MyKad dan di dalam cip MyKad tersebut. Justeru itu, pemohon telah berulang kali membuat permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengeluarkan nama asal beliau di dalam cip MyKad tetapi telah ditolak oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

[19] Pemohon selanjutnya berhujah bahawa responden pertama gagal mengambil kira fakta relevan bahawa kuasa yang diperuntukkan di bawah peraturan 5 adalah merupakan suatu kuasa budi bicara kepada pegawai pendaftaran dalam pengambilan butiran peribadi menurut peraturan 4. Pemakaian peraturan 14 tidak sepatutnya tertakluk kepada pembacaan ketat 'rigid' peraturan 5 tersebut.

PEMAKAIAN PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN NEGARA 1990 PRA DAN PASCA PINDAAN

Pra-pindaan

[20] Undang-undang yang terpakai di dalam kes pemohon ini ialah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang kemudiannya telah dipinda sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2000 dan tahun 2001. Kedudukan semasa pra-pindaan, peraturan 5(1) dan peraturan 5(2) memperuntukkan bahawa adalah memadai bagi pegawai pendaftaran untuk mengeluarkan kad pengenalan yang mengandungi gambar pemohon, cap jari dan butir-butir lain sekiranya perlu supaya pengenalan dirinya dapat dipaparkan (*reflected*) pada kad pengenalan. peraturan 5(1) dan (2) memperuntukan seperti berikut:

5 Issue of identity cards

(1) The registration officer may at his discretion issue to the person giving the particulars referred to in regulation 4 an identity card as prescribed in sub-regulation (2) of this regulation *containing a copy of such person's photograph, thumb impressions and such other particulars as may be necessary for his identification.*

(2) *An identity card shall be in the form prescribed in the First Schedule* and *shall contain the particulars as prescribed in that Schedule* and such other particulars as may be necessary for the identification of the person to whom it is issued.

[21] Manakala Jadual Pertama kepada peraturan-peraturan tersebut memperuntukkan hanya nama terkini pemohon sahaja yang perlu dipaparkan pada kad pengenalan. Butiran dalam kad pengenalan yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama adalah seperti berikut:

[Regulation 5(2)]

FORM OF IDENTITY CARD

The identity card will contain the following particulars: Observe:

1. Identity Card Number
2. Name
3. Residential Address
4. Date of Issue
5. Old Identity Card Number (if any)
6. Identity Code for native of the State of Sabah or Sarawak
7. Residential Status
8. Holder's Photographs

Reverse:

9. Signature of Director General of National Registration
10. Left Thumb Impression
11. Right Thumb Impression

[22] Sementara itu, peraturan 14 pula memperuntukkan bahawa nama sebenar pemohon tidak perlu dipaparkan pada kad pengenalan.

14(1) A person registered under these Regulations who:

(a) *changes his names;*

(b) acquires the citizenship of Malaysia or is deprived of his citizenship of Malaysia; or

(c) has in his possession an identity card containing any particular, other than his address, which is to his knowledge incorrect, shall forthwith report the fact to the nearest registration office and apply for a replacement identity card with the correct particulars.

(2) Any person registered under these Regulations who apply for a change of name under sub-regulation (1) shall furnish the registration officer with a statutory declaration to the effect that he has absolutely renounced and abandoned the use of his former name in lieu thereof has assumed a new name and the reason for such change of name shall also be stated in the statutory declaration.

(3) The registration officer shall retain such statutory declaration and cause it to be filed in such manner as the Director-General shall direct.

(4) *Before a registration officer issues a replacement identity card to a person, registered*

under these Regulations, who has changed his name, he shall enter or cause to be entered into the register referred to in regulation 11(4), the former name of such person and the new name as stated in the statutory declaration together with such other particulars as the Director-General shall direct.

[23] Berdasarkan peraturan 14 tersebut, pegawai pendaftaran hanya perlu memasukkan atau menyebabkan dimasukkan di dalam pendaftaran nama asal dan nama terkini seseorang tersebut sepertimana yang dinyatakan di dalam akuan bersumpah bersama-sama butiran lain yang boleh diarahkan oleh responden pertama. Oleh yang demikian, ianya adalah jelas bahawa sebelum tahun 2000, nama asal pemohon tidak akan dipaparkan pada kad pengenalannya dan hanya nama terkini pemohon akan dipaparkan.

Pasca pindaan

[24] Apabila pemohon telah memilih untuk menggunapakai kad pengenalan berkomputer cip atau dikenali sebagai MyKad, undang-undang yang terpakai adalah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2001) yang memperkenalkan peruntukan bagi mengawal selia pengeluaran MyKad. Oleh yang demikian, pemohon adalah terikat dengan pindaan tersebut di mana maklumat yang akan dipaparkan pada kad pengenalan adalah sepertimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 5(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (PU(A) 472/1990).

5 Issue of identity cards

(1) *The registration officer may at his discretion issue to the person giving the particulars referred to in regulation 4 an identity card* as prescribed in sub-regulation (2) of this regulation containing a copy of such person's photograph, thumb impressions and *such other particulars as may be necessary for his identification.*

(2) *An identity card shall contain the particulars as prescribed in the First Schedule or Schedule 1A, as the case may be*, and such other particulars as may be necessary for the identification of the person to whom it is issued.

[25] Adalah pada pendapat mahkamah ini bahawa frasa *may at his discretion* di bawah peraturan 5(1), merujuk kepada pengeluaran kad pengenalan dan tidak merujuk kepada budi bicara pegawai pendaftaran berkenaan butir-butir yang dinyatakan di bawah peraturan 5(2).

[26] Frasa *as the case may be* di bawah peraturan 5(2) merujuk kepada pemakaian sama ada Jadual Pertama atau Jadual 1A, bergantung kepada sama ada pemohon menggunakan kad pengenalan lama atau MyKad.

[27] Frasa *such other particulars as may be necessary for his identification* di

bawah peraturan 5(1) dan frasa *such other particulars as may be necessary for the identification of the person to whom it is issued* di bawah peraturan 5(2) merujuk kepada butiran selain daripada apa yang dinyatakan di bawah Jadual Pertama atau Jadual 1A.

[28] Peraturan 5(2) jelas menggambarkan kewajipan untuk memasukkan nama asal pemohon sepertimana yang dinyatakan bahawa *... an identity card shall contain the particulars as prescribed in the First Schedule or Schedule 1A...*

Jadual 1A memperuntukan seperti berikut:

> The Government multi-purpose card *shall* contain the following particulars: Observe
>
> Identity Card Number Name
>
> Sex
>
> Residential Address
>
> ..... Reverse
>
> Signature of the Director General of the National Registration The words: LESEN MEMANDU MALAYSIA/MALAYSIAN DRIVING LICENCE
>
> *In the Chip:*
>
> *Original Name*
>
> Full Name
>
> .....

Jadual 1A jelas memperuntukkan bahawa selain daripada Mykad perlu mengandungi maklumat berkenaan nama pemohon, cip pada MyKad tersebut perlu mengandungi nama asal pemohon.

[29] Mahkamah ini merujuk kepada pernyataan pemohon di perenggan 3 afidavit sokongan pemohon yang menyatakan seperti berikut:

> 3. Saya telah dilahirkan di Negeri Perak Darul Riszuan pada 13.5.1966 dan didaftarkan kelahiran melalui Sijil Daftar Lahir No SBA207445 dengan nama asal SARJAHAN BIN ABDULLAH.

Daripada penyataan pemohon, adalah jelas bahawa nama asal pemohon adalah SARJAHAN BIN ABDULLAH. Oleh yang demikian, memandangkan nama asal pemohon sepertimana yang tertera di dalam sijil lahir pemohon adalah SARJAHAN BIN ABDULLAH, maka berdasarkan Jadual 1A, maklumat tersebut telah dimasukkan ke dalam cip MyKad pemohon.

[30] Sehubungan itu, tindakan untuk memasukkan nama asal pemohon 'SARJAHAN BIN ABDULLAH' ke dalam cip MyKad dan nama terkini Pemohon 'SARJ KUMAR' dipaparkan pada MyKad pemohon adalah berdasarkan kepada peraturan 5(2) yang dibaca bersama Jadual 1A.

[31] Perkataan 'shall' yang digunakan dalam peraturan 5(2) dan Jadual 1A jelas menunjukkan bahawa responden-responden tidak mempunyai budi bicara untuk mengeluarkan nama asal pemohon yang terdapat di dalam cip MyKad pemohon. Responden-responden adalah wajib untuk mematuhi segala keperluan yang telah ditetapkan di bawah peruntukan-peruntukan tersebut. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin v Dato' Seri Dr Zambry bin Abdul Kadir (Attorney General, Intervener)* [2010] 2 MLJ 285 (MP) telah memberi maksud dan kesan kepada penggunaan perkataan 'shall' di dalam undang-undang iaitu seperti berikut:

> [54] *In Amir Kahar's case the word 'shall' was construed to have the mandatory effect.* The court said 'Under the circumstances, if the Chief Minister refuses or does not tender the resignation of the members of the Cabinet which includes himself, or if he tenders the resignation of himself alone, the fact remains that the Cabinet is dissolved on account of him losing the confidence of the majority of the members of the assembly and it is not necessary, therefore, for the Yang di-Pertua Negeri as a last resort to remove the Chief Minister and the other members of his Cabinet' (see p 194).
>
> [55] *Similarly here, on the literal interpretation of art XVI(6), we are of the view that the word 'shall' should be given a mandatory effect.* Therefore, it is incumbent upon the appellant in the circumstances of this case to tender the resignation of the executive council. The term executive council by definition includes the MB (see art XVI(2)). *We, therefore, agree with the respondent that the refusal on the part of the appellant to resign after having been directed to do so by HRH clearly went against the express provisions of art XVI(6). It cannot be the intention of the framers of the State Constitution that in the circumstances, it is open to the appellant whether to resign or to stay on as MB. The word 'shall', in our opinion, ought to be given a mandatory effect, otherwise, it would lead to political uncertainty in the state.* The appellant cannot continue to govern after having lost the support of the majority. To allow him to do so would be going against the basic principle of democracy. However, we would add that this by no means is the end of the matter, as it is always open to the appellant to bring a vote of no confidence against the respondent in the LA or make a representation to HRH at any time if he thinks that the respondent does not enjoy the support of the majority of the members of the LA.

[32] Mahkamah Agung di dalam kes *Lock Wee Kock v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor* [1993] 3 MLJ 691 (MA) juga telah memberi maksud perkataan 'may' atau 'shall' dalam suatu peruntukan statut iaitu seperti berikut:

> The use of the word 'may' or 'shall' has led to some confusion in the interpretation of provision of a statute. *In ordinary usage, the word 'may' is permissive, and the word 'shall' is imperative. The courts have always construed these words with reference to the context in which it is used.* In order to find out whether these words are being used in a directory or mandatory sense, the intent of the legislature should be looked into, along with the pertinent circumstances. *If it appears to be the settled intention of the legislature to convey the sense of compulsion, then whether the word 'may' or 'shall' is used, it has the mandatory effect.* Perhaps the task of the court in interpreting these words would be solved if the Interpretation Acts 1948 and 1967 (consolidated and

revised 1989) were to contain such provisions as that found in s 37 of the Barbados Interpretation Act — Laws of Barbados Cap 1 which states:

> In an enactment passed or made after 16 June 1966, the expression 'shall' shall be construed as imperative and the expression 'may' as permissive and empowering.

The significance of such a provision in the Interpretation Act will remind the legal draftsman to always confine the use of the word 'shall' to its mandatory sense, in contrast to the use of the word 'may' which denotes a permission or discretion.

[33] Walaupun MyKad pemohon tidak mengandungi semua butiran sepertimana yang diperuntukkan di bawah Jadual 1A, namun nama asal pemohon bukanlah suatu maklumat yang boleh dikeluarkan oleh responden pertama daripada cip MyKad pemohon. Ini adalah kerana nama asal pemohon adalah satu daripada beberapa maklumat yang wajib dikemukakan oleh pemohon di bawah peraturan 4. Peraturan 4 memperuntukkan seperti berikut:

4 Particulars of registration

Any person who —

(a) is required to register under regulation 3;

(b) is required to re-register under regulation 18 or 28; or

(c) applies for a replacement identity card under regulation 13 or 14,

shall —

(aa) forward two copies of his photographs to the registration office or permit the registration officer to take his photograph as the case may be;

(bb) submit to all such steps as may be reasonably necessary-

(i) for the taking of his photograph; and

(ii) for the taking and recording of his fingerprints impressions,

in accordance with any instructions given by the registration officer; and

(cc) give the following particulars to the registration officers:

(i) his full name as appearing in his Certificate of Birth or such other document, and if he is known by different names, each of such names in full;

(ii) his previous identity card number, if any;

(iii) the full address of his place of residence within Malaysia;

(iv) his race;

(v) his religion;

(vi) his place of birth;

(vii) his date of birth and sex;

(viii) his physical abnormalities, if any;

(ix) his citizenship status, whether a citizen of Malaysia or a citizen of any other country;

(x) particulars of his driving licence, if any;

(xi) particulars of his passport, if any;

(xii) any other particulars as the registration officer may generally or in any particular case consider necessary for the purpose of identification; and

(xiii) any other documentary evidence as the registration officer may consider necessary to support the accuracy of any particulars submitted.

Memandangkan nama asal pemohon sepertimana yang tertera pada sijil kelahiran pemohon adalah SARJAHAN BIN ABDULLAH, oleh itu, berdasarkan peraturan 4, peraturan 5 dan Jadual 1A, maklumat tersebut perlu dimasukkan ke dalam cip MyKad pemohon. Perkataan 'shall' dan 'In the Chip: Original Name, Full Name' adalah jelas bahawa responden pertama mesti memasukkan nama asal ke dalam cip kad pengenalan melainkan dinyatakan sebaliknya. Mahkamah ini berpendapat bahawa peraturan 4, 5 dan Jadual 1A haruslah dibaca bersama-sama dan tidak secara berasingan bagi maksud mengawal selia pengeluaran MyKad kepada pihak yang memohon dan memberi kesan kepada penggunaan MyKad yang dikeluarkan. Pengeluaran nama asal pemohon daripada cip kad pengenalan akan memberi kesan kepada pengenalan identiti asal pemohon sebelum pindaan.

[34] Mana-mana orang sepertimana yang dirujuk di bawah peraturan 4 adalah wajib untuk mengemukakan semua butiran di bawah peraturan 4 antara lainnya adalah nama asal sepertimana di dalam sijil lahir dan sekiranya seseorang itu dikenali dengan nama yang lain, setiap nama penuh tersebut.

[35] Pemohon hanya diwajibkan untuk mengemukakan butiran lain antara lainnya berkenaan dengan lesen memandu dan pasport sekiranya beliau memilikinya. Ini dapat dibuktikan dengan penggunaan frasa 'if any' di dalam peraturan 4(cc)(x) dan (xi).

[36] Setelah MyKad dikeluarkan kepada pemohon dan selanjutnya pemohon memperolehi lesen memandu, peraturan 13A akan terpakai sekiranya pemohon berhasrat untuk memasukkan butiran lesen memandunya ke dalam kad pengenalan dan perlu melaporkan butiran tersebut kepada pegawai pendaftaran di pejabat pendaftaran berdekatan dan perlu memohon untuk penggantian kad pengenalan yang mengandungi maklumat berkenaan lesen memandu sepertimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 13A.

[37] Ianya adalah suatu keperluan mandatori di bawah peraturan 14(2A) untuk memasukkan nama asal pemohon ke dalam cip MyKad pemohon dan

pemohon adalah dilarang daripada menggunakan nama asal yang telah dimasukkan ke dalam cip tersebut. Adalah menjadi keperluan undang-undang di bawah peraturan 14(2A) bahawa:

(a) nama asal perlu dipaparkan sama ada di bahagian belakang pada kad pengenalan gantian atau dimasukkan ke dalam cip MyKad; dan

(b) pemohon dilarang daripada menggunakan nama asal yang dipaparkan di bahagian belakang kad pengenalan gantian atau yang telah dimasukkan ke dalam cip MyKad.

Hujahan pemohon bahawa peraturan 14(2A) memberi kuasa kepada responden pertama untuk mengeluarkan nama asal daripada cip kad pengenalan pemohon adalah tidak tepat.

[38] Berdasarkan kepada fakta kes pemohon ini, adalah dapatan mahkamah ini juga bahawa keputusan responden pertama tersebut bukanlah suatu keputusan yang *Wednesbury unreasonable* sebagaimana yang diputuskan di dalam kes *Associated Provincial Picture Houses Ltd v Wednesbury Corpn* [1948] 1 KB 223; [1947] 2 All ER 680; 177 LT 641, Lord Greene MRs dalam penghakimannya di ms 229 dan 230 menyatakan seperti berikut:

> It is true the discretion must be exercised reasonably. Now what does that mean? Lawyers familiar with the phraseology commonly used in relation to exercise of statutory discretions often use the word 'unreasonable' in a rather comprehensive sense. It has frequently been used and is frequently used as a general description of the things that must not be done. For instance, a person entrusted with discretion must, so to speak, direct himself properly in law. He must call his own attention to the matters which he is bound to consider. He must exclude from his consideration matters which are irrelevant to what he has to consider. If he does not obey those rules, he may be truly be said, and often is said, to be acting 'unreasonably'.
>
> *It is true to say that, if a decision on a competent matter is so unreasonable that no reasonable authority could have ever come to it, then the courts can interfere.* That, I think is quite right; but *to prove a case of that kind would require something overwhelming*, and, in this case, the fact do not come anywhere near anything of that kind. I think Mr. Gallop in the end agreed that his proposition that the decision of the local authority can be upset if it is proved to be unreasonable, *really meant that it must be proved to be unreasonable in the sense that the Court considers it to be a decision that no reasonable body could have come to.* It is not what the Court considers unreasonable, a different thing altogether.

[39] Berdasarkan fakta di dalam kes ini, mahkamah ini berpendapat tiada kegagalan di pihak responden-responden untuk mengambil kira perkara-perkara yang relevan. Tiada kekeliruan yang akan terjadi sebagaimana yang didakwa pemohon kerana MyKad pemohon mempunyai:

A (a) ciri-ciri keselamatan yang tinggi untuk mengenal pasti seseorang berdasarkan maklumat yang telah dimasukkan menurut peraturan 5(2) dan Jadual 1A;

(b) terdapat imbasan cap jari pemohon yang dimasukkan ke dalam cip MyKad di mana setiap individu mempunyai cap jari yang berlainan;

B

(c) tiada kekeliruan yang akan terjadi berhubung dengan agama pemohon memandangkan perkataan ISLAM tidak tertera pada MyKad pemohon; dan

C (d) responden pertama tidak mengambil kira perkara yang tidak relevan dalam mencapai keputusannya.

Pemohon di perenggan 16 afidavit sokongannya menyatakan bahawa beliau percaya bahawa kebanyakan institusi-institusi kewangan adalah berasa was-was dengan perbezaan identiti dalam kad pengenalan dan cabutan daftar D kad pengenalan pemohon atas dasar peningkatan kes frod dan pemalsuan dokumen yang mana mahkamah ini berpendapat ia adalah suatu anggapan pemohon semata-mata dan tidak disokong dengan sebarang keterangan.

E **[40]** Responden-responden di perenggan 17 afidavit jawapan responden-responden (1) juga menyatakan lanjutan daripada surat Jabatan Pendaftaran Negara bertarikh 8 Januari 2018, pemohon sehingga kini gagal hadir untuk membuat semakan semula butiran dalam MyKad bagi memastikan butiran dalam MyKad selaras dengan peraturan 5(2), 14 dan Jadual 1A Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (PU(A) 472/1990). F Pemohon tidak boleh sekarang dan secara berterusan menyatakan responden-responden telah bertindak secara tidak sah dan/atau tidak munasabah apabila pemohon sendiri gagal mematuhi arahan responden pertama seperti di perenggan 4 surat bertarikh 8 Januari 2018.

G **[41]** Mahkamah ini berpendapat responden pertama telah membuat keputusannya berdasarkan undang-undang dan keputusan tersebut adalah sah, munasabah dan rasional. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Pihak Berkuasa Negeri Sabah v Sugumar Balakrishnan* [2002] 3 MLJ 72; [2002] 4 CLJ 105 (MP) telah merujuk kepada penghakiman Lord Diplock di dalam kes *Council* H *of Civil Service Unions v Minister for the Civil Service* [1985] AC 374; [1984] 3 All ER 935; [1984] 3 WLR 1174; [1985] IRLR 28; [1985] ICR 14 yang menjelaskan maksud ketakmunasabahan 'irrationality' seperti berikut:

> I This proposition, at full face value, may well convey the impression that the jurisdiction of the courts in judicial review proceedings is confined to cases where the aggrieved party has not received fair treatment by the authority to which he has been subjected. Put differently, in the words of Lord Diplock in *Council of Civil Service Unions and Ors v Minister for the Civil Service* [2002] 3 MLJ 72 at 93; [1985] AC 374, where the impugned decision is flawed on the ground of procedural impropriety.

But Lord Diplock's other grounds for impugning a decision susceptible to judicial review make it abundantly clear that such a decision is also open to challenge on grounds of 'illegality' and 'irrationality' and, in practice, this permits the courts to scrutinize such decisions not only for process, but also for substance.

In this context, it is useful to note how Lord Diplock (at pp 410–411) defined the three grounds of review, to wit, (i) illegality, (ii) irrationality, and (iii) procedural impropriety. This is how he put it:

By 'illegality' as a ground for judicial review I mean that the decision maker must understand correctly the law that regulates his decision-making power and must give effect to it. Whether he has or not is par excellence a justiciable question to be decided, in the event of a dispute, by those persons, the judges, by whom the judicial power of the state is exerciseable.

By 'irrationality' I mean what can by now be succinctly referred to as ' Wednesbury unreasonableness' (see *Associated Provincial Picture Houses Ltd v Wednesbury Corp* [1948] 1 KB 223). It applies to a decision which is so outrageous in its defiance of logic or of accepted moral standards that no sensible person who had applied his mind to the question to be decided could arrive at it. Whether a decision falls within this category is a question that judges by their training and experience should be well equipped to answer, or less there would be something badly wrong with our judicial system. To justify the courts' exercise of this role, resort I think is today no longer needed to Viscount Radcliffe's ingenious explanation in *Edwards v Bairstow* [1956] AC 14, of irrationality as a ground for a court's reversal of a decision by ascribing it to an inferred though undefinable mistake of law by the decision maker. 'Irrationality' by now can stand on its feet as an accepted ground on which a decision may be attacked by judicial review.

[42] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Multimedia Development Corp Sdn Bhd v Clarence Augustine Tee Teck Huo* [2018] 3 MLJ 447 (MR) juga memutuskan bahawa mahkamah ini tidak wajar mengganggu keputusan tribunal bawahan apabila secara terangnya elemen-elemen ketaksahan dan ketidakmunasabahan gagal dibuktikan dan mahkamah tidak sepatutnya mengubah keputusan yang dibuat hanya disebabkan semata-mata mahkamah mempunyai kesimpulannya tersendiri. Penghakiman relevan yang dirujuk adalah seperti berikut:

[27] In the case of *R Rama Chandran v The Industrial Court of Malaysia & Anor* [1997] 1 MLJ 145; [1997] 1 CLJ 147 and the case of *Ranjit Kaur a/p S Gopal Singh v Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd* [2010] 6 MLJ 1; [2010] 8 CLJ 629 the Federal Court held that the decision of the inferior tribunal may be reviewed on the grounds of illegality, irrationality and possibly proportionality and the courts are permitted to scrutinise such decisions not only for process but also for substance.

[28] It is trite law that courts should not reverse an award of a tribunal unless there is proven a clear jurisdictional error. A jurisdictional error can arise when a tribunal does not act within the proper scope of its statutory function such as whether it has acted without sufficient evidence or on no evidence, or has misconstrued the law on an issue on which its decision is founded (see: *Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd v Transport Workers Union* [1995] 2 MLJ 317; [1995] 2 CLJ 748).

A [29] Where the findings of the Industrial Court are not grounded on illegality or plain irrationality as ruled by the Federal Court in *Ranjit Kaur a/p S Gopal Singh v Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd*, the High Court should not seek to overturn such findings solely because the High Court judge might have come to a different conclusion.

B Berdasar fakta kes pemohon, adalah dapatan mahkamah ini bahawa pemohon telah gagal membuktikan ketidakmunasabahan responden-responden di dalam keputusannya.

KESIMPULAN

C

[43] Mahkamah telah mempertimbangkan permohonan pemohon dan mengambil kira afidavit-afidavit, hujahan pihak-pihak dan nas undang-undang yang dikemukakan oleh pihak-pihak dan mahkamah ini berpendapat keputusan responden pertama untuk tidak membuat pindaan
D pada butir-butir dalam cip MyKad pemohon dengan mengeluarkan nama asal pemohon 'SARJAHAN BIN ABDULLAH':

(a) adalah adil, selaras dengan undang-undang;

(b) tidak bertentangan dengan prinsip keadilan semula jadi;
E

(c) berdasarkan alasan yang munasabah selaras dengan prinsip *Wednesbury*;

(d) telah mengambil kira pertimbangan yang relevan;

(e) tidak mengambi kira pertimbangan yang tidak relevan; dan

F (f) telah mencapai keputusan dengan cara yang rasional.

[44] Mahkamah dengan ini menolak relif-relif yang dipohon dalam permohonan semakan kehakiman pemohon dengan tanpa perintah kos.

G *Permohonan ditolak.*

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar

H

I